

Hua Yang sasar raih hasil jualan RM500j

HUA Yang Bhd, antara pemaju harta tanah terkemuka tempatan, menyasarkan meraih hasil jualan harta tanah mencecah RM500 juta menjelang tahun kewangan 2014 selaras dengan peningkatan permintaan terhadap projek perumahan mampu milik.

Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata syarikat itu merekodkan pendapatan RM189 juta untuk tahun kewangan berakhir Mac 2011, manakala hasil jualan sebanyak RM300 juta.

Beliau berkata, syarikat positif sasaran terdekat mereka iaitu untuk mencatatkan pendapatan antara RM280 hingga RM300 juta serta jualan sebanyak RM350 juta pada tahun kewangan 2012 akan tercapai hasil sumbangan daripada

semua cawangan syarikat di seluruh negara.

“Unjuran peningkatan pendapatan syarikat adalah didorong hasil jualan di sekitar Johor dan Perak dijangka menyumbang sehingga RM150 juta manakala operasi di Lembah kelang bakal menyumbang RM200 juta menjelang hujung tahun kewangan 2012,” katanya, baru-baru ini.

Wen Yang berkata, syarikat pada suku pertama berakhir 30 Jun 2011 telah mencatatkan hasil sebanyak RM61.751 juta dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM15.259 juta.

“Untung bersih adalah RM11.512 juta, iaitu peningkatan sebanyak 135 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan juga dicatatkan pada hasil iaitu 66 peratus dan untung sebelum cukai sebanyak 126 peratus,” katanya.

Ditanya mengenai prestasi syarikat pada suku pertama tahun kewangan 2012, Ho berkata syarikat mencatatkan keuntungan 232 peratus lebih tinggi pada RM163.8 juta berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

FAKTA NOMBOR

RM189
juta

Pendapatan Hua Yang untuk tahun kewangan berakhir Mac 2011



HUAYANG